

HARI KOMUNITI MYPLUS BERI MANFAAT KEPADA LEBIH 10,000 PENDUDUK DI KOMUNITI TERPILIH SEPANJANG JAJARAN LEBUH RAYA PLUS

Petaling Jaya, 18 November 2023: Lebih daripada 10,000 orang penduduk serta komuniti setempat yang tinggal berhampiran dengan jajaran lebuhraya kendalian PLUS Malaysia Berhad (PLUS) dijangka menerima manfaat yang berterusan dan positif hasil daripada 25 program kemasyarakatan, Hari Komuniti MyPLUS yang dianjurkan secara serentak pada 17 November lalu. Projek-projek kemasyarakatan yang memberi fokus terhadap aspek keselamatan dan kelestarian tersebut dijayakan oleh kira-kira 1,000 warga PLUS dengan penglibatan pelajar institusi pengajian tinggi dan masyarakat setempat.



Pengarah Urusan PLUS, Datuk Nik Airina Nik Jaffar berkata, "Hari Komuniti MyPLUS yang telah diperkenalkan sejak 2013 merupakan acara tradisi syarikat ini di mana setiap tahun, PLUS mendedikasikan 1 hari yang istimewa untuk warga kerjanya turun padang ke komuniti-komuniti sepanjang jajaran lebuhraya untuk menjalankan pelbagai projek kemasyarakatan secara serentak. Hari Komuniti MyPLUS membolehkan PLUS serta warga kerjanya menyumbang semula kepada masyarakat dan secara tidak langsung meningkatkan kualiti hidup mereka, selari dengan misi syarikat ini iaitu menghubungkan komuniti untuk mencorakkan masa hadapan."



KENYATAAN MEDIA



Menurutnya, tahun ini menyaksikan 25 projek kemasyarakatan bertemakan “Memperkasa Komuniti Selamat dan Lestari” dijalankan secara serentak di komuniti-komuniti terpilih di sepanjang jajaran lebuh raya PLUS, termasuklah di LPT2.

“Kepakaran yang dimiliki oleh PLUS dalam mengurus dan menyelenggara infrastruktur lebuh raya digunakan untuk melaksanakan projek penambahbaikan di kawasan yang berdekatan untuk membantu meningkatkan dan melestarikan kualiti hidup masyarakat setempat,” tambah beliau.

KENYATAAN MEDIA

Datuk Nik Airina berkata demikian ketika menyertai program Hari Komuniti MyPLUS di Kampung Seri Machap, Simpang Renggam, Johor di mana PLUS dan warga kerjanya membaiki dan menaiktaraf laluan pintas di bawah lebuh raya *Vehicular Box Culvert (VBC)* sepanjang 150 meter di kampung terbabit. Laluan tersebut menghubungkan 7 buah kampung dan sekolah berhampiran serta memberi manfaat kepada kira-kira 2,000 penduduk sekitar. Selain itu, PLUS turut memasang lampu solar LED dan papan tanda tunjur arah di Jalan Sekolah, Kampung Seri Machap. Pada masa yang sama, PLUS juga menambahbaik infrastruktur di Sekolah Kebangsaan Seri Machap.



Turut hadir pada program tersebut adalah YB Datuk Seri Utama Hasni Mohammad, Ahli Parlimen Simpang Renggam yang mewakili Menteri Besar Johor, YAB Datuk Onn Hafiz Dato' Ghazi. Turut turun padang adalah Ketua Pegawai Operasi PLUS, Datuk Zakaria Ahmad Zabidi.

Projek-projek Hari Komuniti MyPLUS dijalankan serentak di 25 lokasi terpilih di seluruh negara. Selain projek di Simpang Renggam, ia turut melibatkan inisiatif membaiki infrastruktur dan menaik taraf kemudahan awam seperti masjid, sekolah, gelanggang sukan, pusat

KENYATAAN MEDIA

penjagaan dan rumah orang tua serta orang kurang upaya di lokasi-lokasi lain. Untuk keselamatan jalan raya, ia turut melibatkan aktiviti pemasangan papan tanda tunjuk arah, pemberian jalan bawah lebuh raya iaitu *Vehicular Box Culvert (VBC)* dan pemasangan lampu solar LED. Program tahun ini turut melibatkan inisiatif kelestarian seperti pemasangan tangki air tадahan hujan, bengkel kompos baja menggunakan sisa makanan, menanam pokok, membersih kawasan laluan pendakian, membersihkan sungai, taman rekreasi, hutan simpan dan sebagainya.

Selain daripada Hari Komuniti MyPLUS, PLUS secara berterusan melaksanakan pelbagai program Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR) yang memberi fokus terhadap jalan raya. Ia termasuklah program keselamatan jalan raya untuk komuniti serta pelajar sekolah dan seminar keselamatan untuk pemandu dan operator kenderaan berat (HEVTEC) dan inisiatif-inisiatif lain yang melibatkan komuniti sepanjang jajaran lebuh raya kendaliannya.

Berbeza pada edisi sebelum ini, Hari Komuniti MyPLUS kali ini melibatkan penyertaan kira-kira 500 pelajar institusi pengajian tinggi dari Kolej Yayasan UEM, Politeknik Ungku Omar, Universiti Teknologi Mara (UiTM), Universiti Kuala Lumpur (UniKL), Kolej SEGI, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM), Kolej Yayasan Pelajaran Johor, Universiti Islam Antarabangsa Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah (UniSHAMS), Universiti Sains Malaysia, Universiti Sultan Azlan Shah, Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) dan lain-lain.

-TAMAT-